

PENGENALPASTIAN KARAKTER TIDAK BERNAMA WAYANG KULIT DI MUZIUM SENI ASIA UNIVERSITI MALAYA

*IDENTIFICATION OF UNNAMED SHADOW PUPPET CHARACTERS AT THE
UNIVERSITY MALAYA ASIAN ART MUSEUM*

Maisarah Alya Mohd DIN^{*1}
Nurul Izzatie AZMAN²
Aisyah Fatimah Mohd YAZID³
Hafidra Adryla Dasle ASRAF⁴
Ammer Yuzairie Mohd YAZID⁵
Adnan Haiqal AZRI⁶

^{1,2,3,4,5,6}Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
22005540@siswa.um.edu.my
22005498@siswa.um.edu.my
22005539@siswa.um.edu.my
22005515@siswa.um.edu.my
22005497@siswa.um.edu.my
22005566@siswa.um.edu.my

Pengarang koresponden*

Dihantar pada: 16 Julai 2025
Submit on: 16th July 2025

Diterima pada: 29 November 2025
Accepted on: 29th November 2025

ABSTRAK

Wayang kulit terdiri daripada pelbagai bentuk dan wataknya yang berbeza-beza dari satu kawasan dan peredaran masa yang berlaku terhadap watak yang dihasilkan. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan 3 jenis wayang kulit di Malaysia dan mengenalpasti karakter wayang kulit yang tidak bernama. Kaedah kajian yang dijalankan adalah berasaskan kepada kaedah kualitatif. Dalam kaedah kualitatif ini, kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual dan data sekunder iaitu kaedah kepustakaan dan laman sesawang. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat 3 jenis wayang kulit Malaysia iaitu Wayang Kulit Tradisional atau Asli, Wayang Kulit Yang Moden dan Wayang Kulit Fusion. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat mengenalpasti karakter yang tidak bernama yang diberikan oleh pihak Muzium Seni Asia untuk kajian ini. Antara nama karakter yang dikenalpasti adalah Raden, Princess, Hanuman Ikan dan sebagainya. Kajian ini diharap dapat membantu generasi kini mengetahui lebih mendalam tentang tiga jenis wayang kulit Malaysia dan kajian ini juga membantu pihak muzium dalam pengenalpastian identiti watak yang tidak memiliki maklumat yang benar.

Kata kunci: Wayang Kulit Malaysia, Karakter, Watak, Tradisional, Moden, Fusion

ABSTRACT

Shadow puppetry (wayang kulit) encompasses various forms and characters that differ across regions and evolve over time. The objective of this study is to describe three types of shadow puppetry in Malaysia and identify unnamed shadow puppet characters. The research methodology employed is qualitative, involving interviews and secondary data collection, including library research and website sources. The findings reveal three types of Malaysian shadow puppetry: Traditional or Original Shadow Puppetry, Modern Shadow Puppetry, and Fusion Shadow Puppetry. Additionally, the study identifies unnamed characters provided by the Asian Art Museum for this research. Some of the identified characters include Raden, Princess, Fish Hanuman, and others. This study aims to deepen the current generation's understanding of the three types of Malaysian shadow puppetry and assist the museum in identifying characters with incomplete or missing information.

Keywords: Malaysian Shadow Puppetry, Characters, Traditional, Modern, Fusion

Pengenalan

Wayang kulit adalah seni persembahan tradisional yang mempunyai akar budaya yang mendalam di kalangan masyarakat Nusantara, termasuk Malaysia. Wayang kulit Kelantan merupakan salah satu cabang seni ini yang terkenal di pantai timur Semenanjung Malaysia. Seni ini tidak hanya menjadi hiburan tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai tradisional dan sejarah kepada masyarakat. Penyelidikan ini akan mengupas sejarah, ciri-ciri, dan kepentingan wayang kulit Kelantan dalam konteks budaya Malaysia. Wayang kulit Kelantan juga dikenali sebagai wayang kulit Malaysia. Wayang kulit adalah seni persembahan tradisional yang menggunakan boneka kulit sebagai medium penceritaan. Seni ini berakar umbi dari budaya Hindu-Buddha di India, berkembang di Asia Tenggara melalui pengaruh pedagang dan agama Hindu, dan akhirnya menyesuaikan diri dengan identiti tempatan. Di Malaysia, wayang kulit telah menjadi salah satu warisan budaya yang unik, dengan pengaruh tempatan yang membezakan variasinya daripada seni wayang kulit di negara lain seperti Indonesia dan Thailand.

Wayang kulit Kelantan dipercayai berasal dari pengaruh kebudayaan Jawa melalui penghijrahan penduduk dari Kepulauan Melayu ke Tanah Melayu. Seni wayang kulit sendiri mempunyai sejarah panjang yang berakar dari India dan diteruskan di rantau Asia Tenggara, terutamanya di Jawa, Bali, dan Thailand. Di Kelantan, seni ini telah diadaptasi dengan unsur tempatan sehingga melahirkan identiti yang unik. Terdapat dua pandangan utama mengenai asal usul wayang kulit Kelantan. Pertama, ia dipercayai diperkenalkan oleh pedagang Jawa yang membawa tradisi wayang kulit ke Tanah Melayu semasa zaman Kesultanan Melaka. Kedua, seni ini mungkin berkembang daripada pengaruh Siam (Thailand) kerana persamaan yang ketara antara wayang kulit Kelantan dan wayang kulit Siam. Apa pun asal usulnya, wayang kulit Kelantan telah diolah menjadi satu bentuk seni yang mencerminkan identiti budaya Kelantan. Asal usul wayang kulit di rantau Asia Tenggara sering dikaitkan dengan pengaruh India melalui agama Hindu dan epik seperti *Ramayana* dan *Mahabharata*. Cerita-cerita ini diperkenalkan ke wilayah Nusantara oleh pedagang dan pendakwah Hindu sejak abad pertama Masihi. Watak-watak utama seperti Seri Rama, Sita Dewi, Rawana, dan Hanuman yang terkenal dalam wayang kulit Kelantan berasal daripada epik Hindu ini. Namun, apabila wayang kulit sampai ke Tanah Melayu, ia diolah dan diadaptasi dengan unsur-unsur tempatan sehingga menjadi sebuah seni yang unik dan mencerminkan budaya masyarakat Melayu. Walaupun unsur epik Hindu masih kelihatan, cerita-cerita ini sering disesuaikan dengan nilai-nilai Islam dan budaya setempat.

Wayang kulit dipercayai diperkenalkan ke Tanah Melayu oleh pedagang dan perantau dari Jawa pada zaman pemerintahan Kesultanan Melaka (abad ke-15). Ketika itu, hubungan perdagangan dan budaya antara Jawa dan Melaka sangat erat. Seni wayang kulit Jawa, yang dikenal sebagai wayang kulit purwa, membawa cerita-cerita epik Hindu ke wilayah Melayu, termasuk Kelantan. Walaupun banyak elemen asal dari Jawa dipertahankan, wayang kulit Kelantan berkembang menjadi bentuk yang lebih sederhana dan menyesuaikan diri dengan cita rasa masyarakat setempat. Watak-watak tempatan seperti Pak Dogol dan Wak Long ditambah untuk memberikan sentuhan humor dan menyampaikan mesej moral dalam konteks Melayu. Pengaruh lain dalam wayang kulit Kelantan datang dari budaya Siam, yang berdekatan dengan Kelantan. Pada zaman dahulu, Kelantan mempunyai hubungan rapat dengan Kerajaan Siam, terutama ketika Kelantan berada di bawah pengaruh Siam pada abad ke-19. Bentuk persembahan wayang kulit Siam, yang dikenali sebagai Nang Talung, mempunyai persamaan dengan wayang kulit Kelantan, terutama dari segi penceritaan dan

penggunaan boneka yang dihias. Dalam wayang kulit Kelantan, beberapa istilah dan teknik bermain alat muzik juga menunjukkan pengaruh Siam. Misalnya, penggunaan serunai dalam gamelan wayang kulit mirip dengan alat muzik tradisional Thailand.

Wayang kulit Kelantan dimainkan dengan menggunakan boneka yang diperbuat daripada kulit kerbau, kulit lembu atau kulit kambing yang diukir halus. Boneka ini dicat dengan warna terang dan dihias dengan corak yang rumit. Setiap boneka mewakili watak tertentu dalam cerita yang dipersembahkan, sama ada watak utama, pembantu, atau antagonis. Watak-watak dalam wayang kulit Kelantan kebanyakannya diambil daripada epik Hindu seperti *Ramayana* dan *Mahabharata*. Watak seperti Seri Rama, Siti Dewi, dan Hanuman sering menjadi pusat cerita. Namun, unsur-unsur tempatan juga dimasukkan, contohnya watak Pak Dogol dan Wak Long yang merupakan karakter pelawak dan mewakili masyarakat Melayu. Wayang kulit Kelantan dimainkan di atas kelir (layar putih) dengan pencahayaan daripada lampu minyak tanah atau mentol elektrik moden. Dalang, yang merupakan penggerak utama persembahan, akan menghidupkan boneka-boneka ini sambil menceritakan kisahnya. Dalang bukan sahaja seorang pencerita tetapi juga pemuzik, kerana persembahan diiringi oleh gamelan Melayu seperti serunai, geduk, dan gong. Persembahan ini biasanya berlangsung selama beberapa jam dan sering dikaitkan dengan acara adat atau keramaian.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai wayang kulit telah banyak dilakukan oleh para penyelidik atau pengkaji lepas yang menumpukan kepada aspek sejarah, fungsi budaya, teknik persembahan, dan cabaran kelestariannya. Antaranya buku berjudul *The Ramayana and the Malay Shadow-Play*, oleh Sweeney (1972). Artikel ini mengkaji bagaimana epik Ramayana diadaptasikan dalam persembahan wayang kulit Melayu, khususnya di negeri Kelantan. Ia meneliti watak-watak utama dan peranan setiap watak yang berbeza dalam penceritaan.

Menurut Nasuruddin (2000) dalam bukunya, *Teater Tradisional Melayu* memerihalkan mengenai teater wayang kulit yang terbahagi kepada beberapa jenis seperti Wayang Kelantan, Wayang Gedek dan Wayang Jawa, dan lain-lain. Beliau juga menjelaskan definisi wayang kulit sebagai salah satu seni tradisional yang penting dalam seni tradisional Melayu, yang bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai moral, pendidikan, pengajaran, dan kritikan sosial. Beliau turut menjelaskan bahawa keunikan wayang kulit terletak pada gabungan elemen visual, muzik, dan naratif yang membawa falsafah kehidupan masyarakat tradisional. Tambahan juga, beliau mengupas struktur persembahan wayang kulit yang melibatkan dalang sebagai pengendali cerita, tok dalang yang mengendalikan muzik, dan layar dijadikan sebagai media untuk memaparkan wayang kulit.

Selain itu, dalam kajian Jufry & Rahman (2018), yang bertajuk 'Watak Archetypal Dalam Wayang Kulit Kelantan'. Beliau mengupas bahawa wayang kulit Kelantan disokong oleh muzik tradisional dan dibangunkan di Kelantan dengan pengaruh daripada sandiwara lain dari rantau Asia Tenggara. Beliau juga memasukkan teori archetypal yang diperkenalkan oleh Carl Gustav Jung, reka bentuk boneka dalam watak wayang kulit Kelantan dengan memperhalusi dan tertumpu kepada watak utama lakonan iaitu Seri Rama, Rawana, dan Siti Dewi. Seri rama dan Siti Dewi adalah watak protagonis, manakala watak Rawana sebagai antagonis.

Berdasarkan artikel 'Wayang Kulit Kelantan: A Study of Characterization and Puppets' oleh Yousof & Khor (2017), artikel ini meneliti watak-watak utama dalam versi Melayu epik Ramayana, khususnya Hikayat Seri Rama dan Hikayat Maharaja Wana, yang menjadi sumber bagi wayang kulit Kelantan. Antaranya, watak-watak tersebut dikategorikan mengikut

golongan seperti dewa, manusia, raksasa, keran, dan makhluk lain.

Seterusnya, berdasarkan tesis 'Reka Bentuk Pentas dalam Falsafah Persembahan Wayang Kulit Kelantan', dalam konteks wayang kulit masyarakat Kelantan oleh Amirul (2018), beliau mengupas tentang perubahan ketara yang berlaku dalam reka bentuk pentas persembahan wayang kulit Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengaruh daripada perubahan zaman, kehendak masyarakat, dan juga perkembangan teknologi. Komponen reka bentuk wayang kulit kini merangkumi ruang persembahan, kelir, cahaya, tempat meletak patung, muzik, dan sistem audio. Semua perubahan ini tidak hanya menampilkan keunikan seni wayang kulit Kelantan, malah turut mencerminkan sikap baru yang lebih praktikal dalam sistem kepercayaan masyarakat zaman kini.

Di samping itu, menurut Muhammad Dain Othman @ Pak Dain (2022) dalam kajian yang bertajuk 'Watak Utama Wayang Kelantan Seri Rama' mengupas jenis wayang kulit Kelantan dahulunya dikenali sebagai Wayang Kulit Siam kerana pemerintahan Melayu Kelantan yang berasal dari Pattani di negeri Siam. Asal usul cerita dalam wayang kulit Kelantan ini berdasarkan cerita dalam Hikayat Seri Rama dan menggunakan loghat Kelantan.

Akhir sekali, menurut Rifin (2024) dalam kajiannya yang bertajuk 'Kajian Terhadap Watak dan Perwatakan dalam Wayang Kulit' menjelaskan jenis-jenis watak dan perwatakan dalam wayang kulit yang terdapat di Kelantan, proses pembuatan patung wayang kulit mengikut watak-watak tersebut, serta fungsi alat muzik yang digunakan dalam wayang kulit Kelantan. Penggunaan sumber-sumber daripada haiwan seperti kulit kambing dan kulit lembu untuk dijadikan patung wayang kulit.

Permasalahan Kajian

Permasalahan utama yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah perubahan persepsi generasi muda terhadap wayang kulit. Seni persembahan tradisional ini tidak lagi dianggap sebagai satu bentuk hiburan yang unik dan relevan oleh golongan muda. Menurut informan yang telah ditemu bual, Pak Dain (2024), generasi muda kini lebih cenderung kepada versi wayang kulit yang diperbaharui dengan teknologi digital, berbanding menonton persembahan tradisional melalui layar putih.

Selain itu, kajian terdahulu berkaitan perwatakan wayang kulit juga masih terhad. Misalnya, pihak Muzium Seni Asia belum menjalankan penyelidikan mendalam mengenai karakter dalam wayang kulit, terutama dari era sebelum tahun 1970-an. Generasi kini semakin terputus hubungan dengan watak-watak klasik wayang kulit, kerana kebanyakan tok dalang yang mahir dalam menghasilkan karakter-karakter tersebut telah meninggal dunia, dan seni mereka tidak diwariskan sepenuhnya. Permasalahan ini menimbulkan cabaran besar dalam usaha melestarikan seni tradisional yang kaya dengan nilai budaya dan sejarah ini.

Objektif Kajian

1. Menghuraikan 3 jenis wayang kulit Malaysia.
2. Mengenalpasti karakter dalam wayang kulit Kelantan yang tidak bernama.

Kepentingan Kajian

Kajian terhadap wayang kulit Malaysia sangat penting untuk memahami, melestarikan, dan mengembangkan seni tradisional yang unik ini. Sebagai salah satu warisan budaya yang kaya

dengan nilai sejarah, seni, dan moral, kajian mengenai wayang kulit Kelantan memberikan pelbagai manfaat dalam pelbagai bidang. Kajian wayang kulit Malaysia membantu memastikan seni tradisional ini tidak hilang ditelan zaman. Dengan merekodkan sejarah, teknik, watak dan perwatakan serta cerita dalam persembahan wayang kulit, generasi masa depan dapat mengenal dan menghargai warisan nenek moyang mereka termasuk kaedah dokumentasi sejarah dan teknik seperti merekodkan kisah asal usul, watak, dan peralatan yang digunakan serta penerusan tradisi iaitu pelapis muda dapat belajar dan meneruskan seni ini.

Wayang kulit Kelantan adalah satu manifestasi keindahan seni dan warisan budaya Melayu yang perlu dipelihara. Ia bukan sahaja mencerminkan kreativiti masyarakat Melayu Kelantan tetapi juga membawa warisan sejarah yang menghubungkan kita dengan zaman lampau. Pemuliharaan seni ini penting untuk memastikan generasi muda terus mengenali identiti budaya mereka. Wayang kulit Kelantan menjadi medium hiburan, pendidikan, dan ritual keagamaan di kalangan masyarakat tradisional. Ia sering dikaitkan dengan upacara adat, seperti majlis perkahwinan dan acara tradisional lain. Selain itu, seni wayang kulit ini juga digunakan untuk menyampaikan sindiran sosial terhadap isu-isu semasa, menjadikannya relevan dalam konteks budaya setempat.

Kajian membolehkan seni wayang kulit Kelantan berkembang mengikut peredaran zaman tanpa kehilangan identiti asalnya. Melalui kajian, pelbagai inovasi dapat diperkenalkan, seperti penggunaan teknologi moden dengan menggabungkan teknologi pencahayaan atau bunyi untuk menjadikan persembahan lebih menarik kepada generasi muda. Selain itu, melalui adaptasi Cerita Kontemporari dengan memperkenalkan cerita-cerita moden atau isu semasa untuk menjadikan wayang kulit relevan. Usaha untuk memodenkan wayang kulit Kelantan juga telah dilakukan. Contohnya, beberapa dalang muda telah mengadaptasi cerita klasik kepada tema kontemporari yang lebih relevan dengan kehidupan hari ini. Teknologi moden seperti pencahayaan LED dan audio digital juga digunakan untuk meningkatkan daya tarikannya kepada generasi muda.

Wayang kulit Kelantan adalah sebahagian daripada identiti kebudayaan Malaysia. Kajian terhadap seni ini membantu memperkukuh rasa bangga terhadap warisan budaya, terutama dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia juga menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah negara yang kaya dengan seni dan tradisi. Wayang kulit Kelantan kaya dengan nilai moral, falsafah, dan sindiran sosial yang relevan dengan kehidupan masyarakat. Kajian terhadap wayang kulit Kelantan adalah penting untuk memastikan seni tradisional ini terus hidup, berkembang, dan dihargai. Ia bukan sahaja membantu memelihara warisan budaya tetapi juga memberi manfaat dalam bidang seni, pendidikan, ekonomi, dan identiti nasional. Melalui kajian yang berterusan, wayang kulit Kelantan dapat terus memainkan peranan sebagai simbol kebudayaan Melayu dan kekayaan tradisi Malaysia di mata dunia.

Metodologi Kajian

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, metodologi ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan dan disiplin. Bahagian ini menerangkan metodologi atau kaedah yang digunakan bagi menyiapkan tugas dengan sempurna. Antara metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Reka bentuk kajian ini adalah dalam bentuk kajian kes. Kaedah kajian ini adalah cara yang efektif bagi menghubungkan objektif kajian dengan dapatan kajian. Dalam kajian ini, kaedah yang telah dilaksanakan adalah kaedah temu bual, kepustakaan dan data sekunder.

Temu bual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini melibatkan interaksi bersemuka antara pengkaji dan informan, bertujuan mendapatkan maklumat yang mendalam, tepat, dan sahih. Temu bual mendalam telah dijalankan bersama Tok Dalang, Pak Dain bagi mendapatkan maklumat secara lisan berkaitan peranan, fungsi, serta interpretasi watak-watak yang terdapat dalam seni persembahan tradisional. Muhammad Dain Othman, 62, atau mesra disapa Pak Dain, merupakan generasi ke-13 yang diberikan gelaran sebagai Tok Dalang Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK). Dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang wayang kulit, beliau kini giat berusaha menghidupkan semula seni wayang kulit tradisional ini dengan menggabungkannya bersama elemen digital dan multimedia bagi memastikan warisan ini relevan. Usaha pemodenan ini menyaksikan beliau bekerja rapat dengan Fusion Wayang Kulit, sebuah pasukan Malaysia yang memenangi anugerah, yang diasaskan oleh Tintoy Chuo dan Take Huat pada tahun 2012. Selain meneruskan legasi, beliau kini turut berusaha mencari pewaris Tok Dalang diakreditasi untuk generasi ke-14. Selain itu, analisis visual dan kontekstual terhadap koleksi Muzium Seni Asia turut dilakukan untuk meneliti bentuk, gaya, serta simbolisme watak-watak tersebut. Melalui gabungan kedua-dua kaedah ini, kajian berjaya mengenal pasti sebanyak 18 karakter tidak bernama yang wujud dalam koleksi dan persembahan wayang kulit. Watak-watak ini kemudiannya dikategorikan berdasarkan peranan masing-masing seperti raja, dewa, rakyat, jin, dan watak fusion. Sepanjang sesi ini, pelbagai soalan yang berkait rapat dengan objektif kajian telah diajukan, termasuk isu-isu semasa seperti penghasilan wayang kulit dalam bentuk fusion, contohnya adaptasi watak moden seperti *Venom*.

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah keperpustakaan sebagai salah satu pendekatan pengumpulan data. Instrumen rujukan yang digunakan meliputi bahan-bahan ilmiah seperti buku rujukan, latihan ilmiah, artikel jurnal berkaitan kajian terdahulu, dan data sekunder mengenai wayang kulit di Malaysia. Kaedah ini bertujuan untuk memperkayakan data bagi mencapai objektif kajian. Hasil daripada rujukan yang digunakan, maklumat dan data penting yang relevan dengan kajian ini berjaya diperoleh. Latihan ilmiah yang dirujuk adalah daripada koleksi Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, yang turut menjadi salah satu sumber utama dalam melengkapkan tugas kajian ini.

cerita rakyat Melayu serta kisah-kisah epik yang berunsur pengajaran moral dan nilai-nilai sosial. Menurut Pak Daim, wayang kulit Kelantan sangat erat kaitannya dengan nilai-nilai keagamaan dan sosial dalam masyarakat Melayu. Cerita seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Seri Rama* sering dipersembahkan untuk menyampaikan nilai-nilai keadilan, keberanian, dan keteguhan hati. Peralatan muzik tradisional seperti gendang, serunai, dan rebab digunakan dalam persembahan wayang kulit Kelantan untuk mencipta suasana yang lebih mendalam, di samping membangkitkan emosi penonton. Persembahan ini juga diiringi dengan nyanyian lagu-lagu yang mengandungi nilai-nilai moral, sosial, dan keagamaan.

Wayang Kulit Moden

Wayang Kulit Moden merujuk kepada satu bentuk wayang kulit yang mengalami perubahan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan masa kini. Inovasi dalam penggunaan bahan dan teknik seperti pencahayaan elektrik, penggunaan skrin, dan muzik moden telah memperbaharui bentuk seni ini. Cerita yang diceritakan tidak lagi terhad kepada cerita tradisional, tetapi selalunya memaparkan tema yang lebih kontemporari. Satu contoh yang terkenal adalah Wayang Kulit Moden yang dipersembahkan oleh kumpulan seperti Teater Warisan atau Panggung Rakyat yang menggabungkan cerita tradisional dengan unsur moden.

Menurut Sunardi (2012), fenomena percampuran gaya dalam persembahan wayang kulit sebenarnya lahir daripada gabungan dua kelompok faktor utama, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Dari sudut faktor luaran, perubahan yang berlaku dalam dunia global memberikan kesan yang amat ketara. Proses asimilasi budaya, perubahan dalam sistem nilai masyarakat, serta keterbukaan terhadap pelbagai budaya luar telah mewujudkan ruang yang membolehkan wayang kulit berkembang dengan gaya yang lebih pelbagai. Selain itu, pengaruh media cetak dan elektronik turut mempercepat proses ini apabila masyarakat semakin terbuka terhadap bentuk persembahan baharu, sekali gus mendorong penggiat seni untuk bereksperimen dengan gaya yang lebih segar. Tidak kurang juga, tekanan daripada pihak berautoriti, yang mempunyai kuasa budaya untuk menentukan hala tuju dan wajah seni persembahan, turut membentuk bagaimana wayang kulit berkembang dan dipersembahkan kepada khalayak.

Sementara itu, dari sudut faktor dalaman, percampuran gaya ini lebih berkait rapat dengan transformasi yang berlaku dalam tradisi wayang kulit itu sendiri. Keterbukaan masyarakat dan perubahan zaman telah menyebabkan nilai lokaliti dan identiti dalang serta penontonnya semakin merosot, menjadikan gaya tradisional tidak lagi seutuh dahulu. Dalam usaha mengekalkan kedudukan dan kredibiliti mereka, para dalang mula menunjukkan keupayaan luar biasa dengan menguasai dan mempamerkan pelbagai gaya persembahan, meskipun mereka datang daripada aliran utama tertentu. Hal ini bukan sahaja berperanan sebagai strategi legitimasi, tetapi juga membuka ruang kepada penerokaan kreatif dan inovasi baharu dalam seni. Melalui keberanian mencipta kelainan, para dalang mula menyerap dan menggabungkan elemen-elemen daripada pelbagai gaya wayang kulit, lalu menghasilkan persembahan yang bukan sahaja lebih kaya, tetapi juga lebih dinamik dan relevan dengan selera semasa.

Dalam jenis ini, elemen tradisional seperti alat muzik dan boneka kulit dikekalkan, tetapi elemen moden seperti penggunaan lampu elektrik, peranti multimedia, dan muzik moden diperkenalkan untuk menarik penonton yang lebih muda. Wayang Kulit Moden sering menampilkan tema yang lebih kontemporari dan sering digunakan untuk menyampaikan isu sosial dan politik dalam masyarakat. Pak Dain percaya bahawa perubahan dalam seni wayang

kulit moden perlu bagi memastikan kelangsungannya dalam kalangan generasi muda. Bagaimanapun, beliau menegaskan elemen tradisi perlu dipelihara agar warisan budaya ini tidak hilang ditelan zaman. Wayang Kulit Moden memberi peluang kepada seni ini untuk kekal relevan dan diterima khalayak yang lebih global, di samping memelihara nilai-nilai agama dan moral yang wujud dalam wayang kulit tradisional.

Wayang Kulit Fusion

Wayang Kulit Fusion merupakan gabungan unsur tradisional dan moden. Dalam bentuk ini, elemen tradisional dikekalkan, tetapi ia juga menggabungkan genre seni lain seperti teater, muzik, dan seni visual moden. Pendekatan gabungan ini bertujuan untuk menarik minat khalayak yang lebih luas dan membawa seni ini ke dalam konteks global. Misalnya, Wayang Kulit Fusion yang dipersembahkan oleh kumpulan seperti Seni Silat Cekak dan Kumpulan Puteri Seni yang menggabungkan muzik elektronik, tarian, dan teknologi visual dengan wayang kulit. Menurut AB. Wibawa (2024), penggabungan Wayang dengan bentuk persembahan moden menjadi pemangkin kepada proses menghidupkan semula dan memelihara warisan bangsa. Apabila teknik, naratif dan estetika Wayang tradisional disesuaikan dengan konteks kontemporari, para penggiat seni bukan sahaja meniupkan nafas baharu kepada tradisi lama, malah memastikan seni ini terus relevan dan dekat di hati penonton masa kini. Gabungan dua dunia ini turut membuka ruang kepada dialog dan pertukaran silang budaya, menjadikan Wayang sebagai jambatan yang menghubungkan warisan budaya yang kaya dengan arus seni global. Melalui proses ini, Wayang bukan sahaja dipelihara, tetapi terus berkembang sebagai medium yang memupuk kefahaman serta penghargaan merentas budaya.

Menurut Pak Dain, Wayang Kulit Fusion merujuk kepada gabungan unsur tradisional wayang kulit dengan unsur moden dalam bentuk persembahan, bahan, muzik, dan teknologi. Gabungan wayang kulit ini menggabungkan seni mapan dengan elemen moden yang lebih menarik minat generasi muda dan sesuai dengan keperluan masyarakat yang lebih terdedah kepada teknologi dan perubahan zaman. Gabungan dalam konteks ini bermaksud menggabungkan dua atau lebih elemen yang berbeza, seperti muzik tradisional dengan muzik moden, penggunaan alat muzik tradisional seperti gendang, rebab, dan serunai yang digabungkan dengan alat muzik elektronik atau rock, serta multimedia visual yang lebih canggih dalam konteks ini. Selain itu, wayang kulit fusion turut memanfaatkan lampu elektrik dan projek imej yang berfungsi menggantikan penggunaan lilin tradisional atau lampu minyak yang biasa digunakan dalam persembahan wayang kulit purba. Contohnya, persembahan 'Fusion Venom' yang diketengahkan oleh Dalang Muda yang menggunakan teknik multimedia untuk menggambarkan watak-watak moden seperti adiwira dalam konteks tradisional wayang kulit. Menurut Pak Dain juga, inovasi dalam wayang kulit fusion ini bertujuan untuk menarik minat khalayak urban sambil memelihara inti budaya wayang kulit.

Karakter Wayang Kulit

Jadual 1: Jenis Karakter Wayang Kulit

Bil.	Kod	Gambar	Keterangan	Ciri Fizikal
1	UM.MSA .99.14		Seri Rama Merupakan watak protagonis utama dalam kisah Ramayana yang menggambarkan kebaikan, keadilan, dan keberanian. Seri rama dikenali sebagai raja yang bijaksana.	Watak yang memakai mahkota atau hiasan kepala yang tinggi, melambangkan kedudukannya sebagai seorang raja beserta memegang busur menandakan kekuatan dan keberaniannya
2	Tiada No (12)		Seri Rama Merupakan watak protagonis utama dalam Hikayat Ramayana yang melambangkan keadilan dan keberanian.	Watak yang memakai mahkota tinggi yang melambangkan status diraja, memegang busur sebagai simbol keberanian dan kekuatan, dan struktur tubuh yang tegap
3	Testing 4418-99.1 32		Saburanom Merupakan watak raksasa antagonis dalam versi tertentu epik Ramayana, yang berperanan sebagai pengikut atau tentera Maharaja Rawana. Memainkan watak yang kuat dan jahat	Kulit yang berwarna merah menunjukkan sifat jahat dan kekejamannya berbanding watak protagonis, ekspresi wajah yang garang dan menakutkan, memegang senjata
4	UM.MSA .99.118		Annila Merupakan watak yang berperanan sebagai pembantu antagonis atau panglima raksasa	Digambarkan dengan wajah yang garang, bertaring, dan pakaian berwarna warni dan bercorak rumit. Postur watak yang memegang senjata dan taring serta ekspresi muka yang tegas.

5 UM.MSA
.99.122



Bentala Ular Naga

Merupakan dewa dalam bentuk naga dalam elemen mistik dan melambangkan simbol kekuatan alam.

Berbentuk naga dengan corak badan yang berlingkar dan bersisik, mempunyai kepala yang besar dan lidah yang panjang serta gigi taring

6 UM.MSA
.99.116



Anggada

Watak Anggada merupakan antara watak yang terdapat dalam kisah Ramayana. Menurut cerita, Anggada membantu Ramayana mencari isterinya Sita Dewi dan melawan penculiknya, Ravana. Anggada juga merupakan salah seorang putra kepada Laksamana.

Digambarkan sebagai patung berwajah merah, berekor, bertubuh hijau serta memakai kecupung.

7 Tiada No
(6)



Watak Raden/Latjuna

Watak Raden biasanya merujuk kepada karakter bangsawan atau putera yang berasal daripada keluarga diraja. Watak Raden ini sering berperanan sebagai protagonis dalam kisah yang memaparkan nilai moral, perjuangan, disamping menyampaikan mesej kepada penonton.

Memaparkan pemakaian mahkota kecil di kepala dan berwarna terang lazimnya menunjukkan kebijaksanaan dan kekuasaan. Gerakan tangan yang memegang kayu menggambarkan dinamika dalam persembahan wayang kulit.

8 UM.MSA
.99.120



Mah Babu Kenong

Watak Mah Babu Kenong berperanan sebagai pembantu Seri Rama atau dalam situasi tertentu memberi nasihat penting. Pergerakan patungnya terutama di tangan digunakan untuk menyampaikan jenaka atau hikmah secara dramatik tetapi tidak terlalu formal.

Wajah Mah Babu Kenong sering kali direka dengan ciri-ciri lucu, Mulut yang besar atau tersenyum, Mata bulat atau menonjol. Tubuh sederhana dan tangannya panjang; kepala dihiasi dengan topi atau tanjak sederhana. Kadangkala rambut digambarkan dengan gaya ringkas. Warna terang juga digunakan untuk menyerlahkan humor watak dan personaliti positif.

9 UM.MSA
.99.125



Raden

Raden bukan sahaja menggambarkan zahir tetapi juga nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu, seperti keberanian, keadilan, dan kesopanan.

Reka bentuk ini menggambarkan sifat pahlawan dalam cerita rakyat Melayu, yang bertanggungjawab melindungi golongan lemah dan menegakkan keadilan.

Warna tubuh dan pakaian Raden cenderung menggunakan warna cerah seperti emas. Watak ini sering ditampilkan dalam pose berdiri dengan gaya elegan, memegang keris atau tangan disilangkan di dada. Wajah yang tampan dan pandangan mata yang tajam.

10 UM.MSA
.99.100



Lat Palembang

Watak ini berfungsi untuk sebagai seorang pejuang yang kuat dan berani.

Wajah serius, badan tinggi dan tegap, biasanya memakai pakaian tradisional yang sesuai dengan watak seorang pahlawan dan memakai aksesori senjata.

11 UM.MSA
.99.115



Indrajit

Indrajit digambarkan sebagai seorang pahlawan yang berkuasa, namun dalam beberapa cerita, ia juga mencerminkan keangkuhannya sebelum kejatuhannya dalam peperangan.

Wajah Indrajit sering digambarkan dengan ekspresi yang serius dan penuh ketegasan, badan yang kuat dan tegap, Indrajit mengenakan pakaian yang penuh hiasan dan berwarna-warni, biasanya dengan baju perang yang mencerminkan statusnya sebagai anak kepada Raja Ravana. Dia digambarkan dengan senjata seperti busur dan anak panah yang mempunyai kuasa luar biasa, sering dikaitkan dengan kebolehannya untuk bertarung dalam pertempuran mistik.

12 UM.MSA
.99.16



Permaisuri

Permaisuri bukan hanya sekadar wanita yang cantik, tetapi juga berperanan sebagai figura yang penting dalam cerita-cerita epik, memainkan peranan dalam mengatur keadilan dan memberi nasihat kepada raja atau tokoh utama.

Rupa yang cantik dan berseri-seri, tubuh yang elegan dan berpenampilan anggun. Permaisuri mengenakan pakaian yang mewah dan dihiasi dengan perhiasan, seperti mahkota, gelang, kalung, dan pakaian yang berwarna-warni.

13 UM.MSA
.99.91



Tuan Puteri Ikan

Tuan Puteri Ikan merupakan isteri kepada Hanuman Kera Putih. Walaupun tiada darah manusia dalam dirinya, sebagai puteri raja ular laut, Sepit Bentala Raja Naga, dan mungkin seekor ikan ibu, dia digambarkan sebagai ikan duyung yang cantik

Dengan batang tubuh dan ciri-ciri wajah wanita acuan standard watak perempuan halus. Dia juga memakai pakaian wanita, dalam hal ini sarung blaus dan seluar dengan tali pinggang, serta barang kemas. Tuan Puteri Ikan mempunyai lengan bersuara tunggal dengan kuku jari yang memanjang; sebelah lagi ditunjukkan menggenggam rambut panjangnya. Ciri yang membezakannya ialah ekor ikan yang rumit. Patung itu berdiri di atas tapak ringkas yang mewakili dahan pokok berbunga.

14 Testing
44380-99.
155



Sita Dewi

Amat ditonjolkan dalam persembahan wayang kulit, di mana dia sering diuji kesetiaan dan keberkatannya. Walaupun sering ditimpa penderitaan, Sita tetap berpegang teguh pada prinsip dan kepercayaan kepada suaminya, Sri Rama. Dia juga dilihat sebagai simbol kesetiaan dalam perkahwinan, dan dalam banyak cerita wayang kulit, dia berdepan dengan cabaran yang hebat, seperti ketika diculik oleh Ravana, tetapi masih menunjukkan sifat wanita yang tidak mudah berputus asa.

Wajah yang sangat cantik, lembut, dan penuh dengan kemuliaan; tubuh anggun dan langsing. Sita Dewi sering kali memakai perhiasan seperti kalung, gelang, cincin, dan mahkota. Pakaian yang dikenakan biasanya berwarna cerah dan kaya, seperti kuning, merah, atau emas, yang mencerminkan statusnya sebagai permaisuri.

15 UM.MSA
.99.135



Sita Dewi

Isteri kepada Rama dalam epik Ramayana, simbol kesetiaan, kecantikan dan kesucian wanita. Ia sering menjadi sumber konflik utama dalam cerita apabila Ravana menculiknya sehingga mencetuskan perang besar. Dia melambangkan kejujuran dan pengorbanan seorang isteri.

Wajah lembut dan cantik, memakai pakaian tradisional yang elegan dengan kain berwarna terang. Dihiasi dengan permata kepala, rantai, gelang dan aksesori yang indah hingga memancarkan keanggunan dan status yang tinggi.

16 UM.MSA
.99.132



Sugi Wa

Raja monyet yang setia membantu Rama dalam misi menyelamatkan Sita. beliau bertindak sebagai pemimpin yang bijak dan berani walaupun terkadang menghadapi konflik dengan adiknya, Subali. Melambangkan kekuatan fizikal dan kesetiaan sejati kepada rakan.

Badannya yang tegap dengan otot yang menonjol, muka yang menyerupai monyet dengan ekspresi muka yang berani. Digambarkan memakai mahkota kecil, gelang emas dan kain tradisional sebagai pakaian raja.

17 UM.MSA
.99.27



Betara Guru

Boneka Bentara Guru secara khas menggambarkan pengaruh kuat dari bayangan Jawa bermain dari segi strukturnya, Angka ini, dan mungkin seluruh rangkaian boneka dewa dalam wayang kulit kelantan, hanyalah peruntukan secara langsung daripada wayang kulit purwa Jawa. Elemen pengayaan termasuk ke bawah hidung seperti paruh yang landai; dua lengan bersendi dan memanjang yang hampir mencecah kaki boneka, dan bahu bersudut tinggi. Isyarat tangan Bentara Guru seperti mudra (nyempurit dalam tarian Jawa) juga unik pada boneka ini.

Sosok itu memakai mahkota (tengkolok), mempunyai aura seperti sayap (sayap sandang), lilitan lengan (dodok), gelang tangan, gelang kaki dan seluar.

18

UM.MSA
.99.18



Wak Long

Watak Wak Long merupakan watak kelakar dan nakal. Merupakan teman rapat kepada Pak Dogol. Menurut cerita wayang kulit, Wak Long ini dijadikan daripada daki Pak Dogol.

Memiliki sedikit jambul di kepalanya dan bermulut sempit. Patung Wak Long juga diukir dengan kedua-dua belah tangannya boleh digerakkan tetapi, Wak Long tidak memegang apa-apa senjata.

Karakter Raja dan Dewa

Jadual 2: Jenis Karakter Raja dan Dewa

Bil.	Kod	Gambar	Keterangan	Ciri Fizikal
1.	UM.MSA .99.90		Mahiraja Rawana Merupakan watak utama dalam cerita epik Ramayana yang memegang watak sebagai seorang raja yang agung. Watak ini memainkan peranan antagonis dan digambarkan sebagai jahat dan keangkuhan	watak memakai mahkota yang tinggi yang menggambarkan simbol statusnya sebagai pemerintah agung, raut wajah yang garang dan angkuh, memegang pedang atau senjata serta postur tubuh yang tegap dan gagah menggambarkan keperkasaannya.
2	UM.MSA .99.139		Raja Baik Wataknya yang melambangkan keadilan, kebijaksanaan, dan belas kasihan. beliau sering digambarkan sebagai sekutu kepada watak utama dan mewakili nilai-nilai murni kepemimpinan serta memberi perlindungan kepada rakyat.	Beliau berpakaian diraja dengan warna yang mewah seperti emas dan ungu, memakai mahkota ringkas dengan wajah yang memancarkan kebaikan. Kadang-kadang memegang pedang atau kayu.
3	UM.MSA .99.130		Raja Tilam Raja Tilam yang bijaksana dan disegani walaupun wataknya jarang dimainkan dalam cerita utama. Penampilannya menjadi lambang pemimpin yang tenang dan penuh kebijaksanaan dalam menghadapi cabaran diraja.	Raja Tilam memakai pakaian diraja dengan jubah panjang, mahkota besar dihiasi dengan batu permata, dan tongkat kerajaan yang dijadikan sebagai simbol statusnya. Ekspresi wajah sering menunjukkan ketenangan dan kebijaksanaan.

- 4 **Testing 44338-99. 111**



Raja

Watak ini adalah watak umum raja yang memainkan pelbagai peranan sebagai pemimpin yang baik atau pemerintah yang kejam atau antagonis. Dia sering menjadi pusat perhatian dalam naratif politik atau moral cerita itu.

Dapat kita kenali dengan melihat pakaian perayaan yang dihiasi dengan aksesori seperti rantai emas besar, mahkota dan perisai. Kadang-kadang mereka membawa simbol kuasa seperti tongkat, pedang, atau keris.

- 5 **UM.MSA .99.20**



Dewa Panah (P)

Dewa panah perempuan juga dikenali sebagai Dewa Panah Baik dan banyak digunakan dalam permainan wayang kulit yang dimainkan oleh "Dalang Muda..

Struktur wajah Dewa Panah Perempuan pada dasarnya standard dengan hidung kecil, mulut, mata berbentuk badan dan dahi dalam sedikit garis cekung. Watak ini dikatakan berasal dari Thai nang talung kerana postur tubuh dan mahkota yang dipakai banyak ditemukan dalam watak wayang kulit Thai nang talung.

- 6 **UM.MSA .99.21**



Dewa Panah (L)

Dewa Panah Laki-Laki juga dikenali sebagai Dewa Panah Jahat dan banyak digunakan dalam permainan wayang kulit yang dimainkan oleh "Dalang Muda."

Wajah Dewa Panah Laki-Laki biasanya tegak dan lebar dengan hidung berbulu, mata bulat besar dan mulut terbuka menyeringai besar dengan gigi tajam menampakkan diri sifat dirinya iaitu dia mewakili ciri-ciri kasar. Watak ini dikatakan berasal dari Thai nang talung kerana postur tubuh dan mahkota yang dipakai banyak ditemukan dalam watak wayang kulit Thai nang talung.

7 UM.MSA
.99.93



Dewa Indera

Dewa yang melambangkan kuasa dan perlindungan ilahi. Dalam cerita itu, dia membantu manusia atau hero utama dalam menghadapi cabaran. Dia juga merupakan penghubung antara dunia manusia dan para dewa.

Beliau memakai pakaian mewah sepertinya dewa. beliau sering digambarkan dengan aura cahaya atau unsur seperti awan dan api. Mahkotanya penuh dengan permata yang bersinar dan dia membawa senjata atau simbol suci.

Karakter Rakyat

Jadual 3: Jenis Karakter Rakyat

Bil.	Kod	Gambar	Keterangan	Ciri Fizikal
1	Tiada No (7)		Latsamana Dikategorikan sebagai Watak halus dan baik. Latsamana juga merupakan adik kepada Seri Rama. Digambarkan sebagai seorang yang gagah berani, bertanggungjawab, setia kepada kekandanya Seri Rama juga merupakan seorang yang tidak mudah terpedaya.	Latsamana digambarkan dengan berpakaian merah seakan menyerupai Seri Rama. Latsamana juga membawa pedang serta berdiri di atas badan naga.
2	Tiada No (9)		Latsamana Watak ini adalah adik Rama yang setia, bijak, dan berani. Beliau selalunya bertindak sebagai penasihat dan penolong utama dalam perjalanan Rama menyelamatkan Sita. Dia melambangkan keberanian dan dedikasi terhadap keluarga.	Wajahnya tegas dan berani, berpakaian seperti wira dengan perisai, pedang atau busur dan anak panah. Wataknya memakai tengkolok dan selempang kain tradisional.

Pengenalpastian karakter tidak bernama wayang kulit

Karakter Langlobet dan Hanuman

Jadual 4: Jenis Karakter Langlobet dan Hanuman

Bil.	Kod	Gambar	Keterangan	Ciri Fizikal
1.	UM.MSA .99.95		Langlobet Langlobet merupakan watak antagonis tetapi juga melambangkan tema moral dalam cerita Wayang Kulit Kelantan, yang mana keanehan dan kekuatan fizikalnya menjadi lambang cabaran yang dihadapi oleh watak protagonis.	Penampilan yang pelik dan menakutkan, dengan unsur-unsur aneh yang menonjol. Tubuh tidak seimbang, gigi dan taring taringnya tajam, menggunakan warna gelap; kadang-kadang, Langlobet diilhamkan dengan ciri-ciri binatang seperti sayap atau ekor.
2	UM.MSA .99.25		Langlobet Langlobet merupakan watak antagonis tetapi juga melambangkan tema moral dalam cerita Wayang Kulit Kelantan, yang mana keanehan dan kekuatan fizikalnya menjadi lambang cabaran yang dihadapi oleh watak protagonis.	Penampilan yang pelik dan menakutkan, dengan unsur-unsur aneh yang menonjol. Tubuh tidak seimbang, gigi dan taring taringnya tajam, menggunakan warna gelap; kadang-kadang, Langlobet diilhamkan dengan ciri-ciri binatang seperti sayap atau ekor.
3	UM.MSA .99.82		Hanuman Watak monyet ajaib yang terkenal dengan kecerdasannya, kekuatan luar biasa dan kesetiaannya kepada Rama. Hanuman memainkan peranan yang penting dalam misi menyelamatkan Sita dengan kebijaksanaannya. Dia adalah simbol keberanian, pengorbanan, dan kebijaksanaan.	Hanuman mukanya seperti monyet, berbadan besar dan berotot dengan ekor yang sangat panjang yang melambangkan kekuatan. Ia digambarkan memakai aksesori tradisional seperti gelang tangan, tali pinggang emas, dan mahkota kecil.

4 UM.MSA
.99.161



Hanuman

Hanuman sering memainkan peranan sebagai penyelamat dalam situasi sukar, termasuk adegan seperti mencuri ubat untuk menyelamatkan Sri Rama atau membantu Sita. Ekornya yang panjang dan pergerakan tangkas memberikan dimensi dramatik yang menawan hati penonton.

Hanuman mempunyai bentuk muka monyet, telinga Hanuman biasanya besar dan tajam, menambahkan elemen monyet pada wajahnya. Matanya besar dan tajam dan mulutnya terbuka luas. Hanuman sering digambarkan dengan badan yang besar dan berotot, melambangkan kekuatan luar biasa yang dimilikinya.

5 UM.MSA
.99.141



Hanuman Ikan

Anak kepada Hanuman Kera putih dan Puteri Ikan

Hanuman Ikan mempunyai jari kaki dengan kuku, ciri yang juga jelas dalam Hanuman Kera Putih.

Struktur muka anak dan bapa hampir serupa dan menyerupai dalam watak beruk. Mulut terbuka lebar dengan lidah yang panjang terjulur dengan jelas nampak, mata terbuka bulat besar dan gigi taring panjang tajam. Seperti kebanyakan figura dalam wayang kulit kelantan, yang satu ini juga mempunyai hanya satu lengan yang dipanjangkan dan kuku tajam yang panjang manakala lengan yang tidak bersendi menggenggam pedang. Hanuman Ikan memakai topi kon (terbus) atas rata dan sepasang seluar dan cawat. Pakaian dan perhiasannya selari dengan bapanya.

6 UM.MSA
.99.124



Hanuman Bongsu

Salah seorang anak lelaki Hanuman Kera Putih yang terkenal di banyak cabang cerita ialah Hanuman Bongsu. Beliau merupakan anak kepada Hanuman Kera Putih dan Tuan Puteri Ilek Sari yang pada mulanya merupakan isteri kepada Nerajit tetapi diberikan kepada Hanuman Kera Putih pada kematian suaminya dan Maharaja Wana. Walaupun Hanuman Bongsu hanya wujud di episod akhir Hikayat Maharaja Wana,

Boneka bersaiz lebih kecil yang menggambarkan hampir penampilan yang sama seperti bapanya. tiada senjata dan juga reka bentuk ekor yang berbeza

dia telah dijadikan protagonis dalam banyak-banyak daripada cerita cawangan berikut.

Karakter Jin

Jadual 5: Jenis Karakter Karakter Jin

Bil.	Kod	Gambar	Keterangan	Ciri Fizikal
1	UM.MSA .99.24		Jin (anak api) Watak ini merupakan sejenis makhluk ghaib yang berkait rapat dengan unsur api yang sering bertindak sebagai kuasa ajaib sama ada bertindak untuk membantu atau mengancam watak utama. Jin ini melambangkan unsur kuasa yang sukar dikawal tetapi berpotensi digunakan untuk kebaikan.	Fizikalnya digambarkan dengan badan yang berseri-seri atau lebih tepat berapi-api. Ia selalunya menggunakan warna merah dan oren. Wajahnya garang dengan ciri-ciri mistik seperti tanduk kecil atau mata berkobar-kobar yang menambahkan lagi aura kuasa ghaib.
2	UM.MSA .99.129		Jin Gangga Mahasura Merupakan watak epik dalam kisah Ramayana, seorang raksasa yang berkuasa dan pengikut setia watak antagonis. Wataknya melambangkan keangkuhan dan kekejaman.	Ciri fizikal yang menggerunkan seperti ekspresi wajah yang garang, bermata besar, dan bertubuh sasa.
3	UM.MSA .99.56		Jin Muratani Watak Jin Muratani digambarkan sebagai makhluk luar biasa yang mempunyai kekuatan yang besar, yang sering menjadi ancaman dalam cerita wayang kulit Kelantan.	Muka yang agak garang dan kadang-kadang dengan mata yang bersinar atau mencerminkan sifat jahat atau berkuasa. Badan yang besar dan tegap. Kulit Jin Muratani biasanya digambarkan dalam warna yang luar biasa, seperti hijau atau merah, sebagai tanda bahawa dia bukan manusia dan berasal dari dunia yang berbeza. Jin Muratani mungkin memakai pakaian atau aksesori yang ganjil atau berbeza, seperti perhiasan berkilauan, atau pakaian berwarna-warni.

Karakter Moden

Bil.	Kod	Gambar	Keterangan	Ciri Fizikal
1.	UM.MSA .99.137		Gedet Merupakan watak sampingan dalam penceritaan wayang kulit yang memainkan peranan sebagai pelawak yang menghiburkan penonton mewujudkan suasana yang menghiburkan.	Bertubuh kecil dan berpostur rendah, berpakaian ringkas, mempunyai ekspresi wajah yang lucu dan ceria dan tangannya tidak memegang senjata tetapi tangannya mudah digerakkan untuk aksi komedi.

Karakter Fusion

Gambar 2: wayang kulit fusion bagi watak CP long



Gambar 4: wayang kulit fusion bagi watak stormtroopers

Gambar 3: wayang kulit bagi watak R2-D2



Gambar 5: Wayang kulit fusion bagi watak kapal pemusnah bintang



Apabila elemen tradisional digabungkan dengan sesuatu yang moden, ia menghasilkan karya yang luar biasa dan unik. Inilah yang terjadi dengan kelahiran 'Peperangan Bintang', sebuah projek seni yang menggabungkan seni wayang kulit tradisional dengan elemen moden daripada francais terkenal, Star Wars. Projek inovatif ini mendapat pengiktirafan global selepas mendapat kelulusan daripada Lucasfilm Ltd., syarikat yang terkenal dengan penciptaan Star Wars. Wayang kulit versi fusion ini berjaya menarik perhatian peminat di seluruh dunia, dari pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira usia dan latar belakang.

Pasukan di sebalik projek ini, termasuk Tintoy Chuo dan tok dalang terkenal Kelantan, Pak Dain, telah berkongsi pengalaman mereka dalam mencipta karya seni yang luar biasa ini. Ia bukan sahaja memartabatkan warisan budaya, tetapi juga memperkenalkan elemen baharu yang relevan dengan generasi masa kini. Namun, cabaran utama dalam merealisasikan idea ini adalah kurangnya pengalaman dalam seni wayang kulit dan keperluan untuk mempelajari kemahiran baru.

Proses reka bentuk dan penghasilan watak wayang kulit memerlukan beberapa bulan, termasuk kajian mendalam terhadap seni dan budaya tradisional Kelantan. Mereka juga berhadapan dengan cabaran teknikal dalam menggabungkan elemen 2D wayang kulit dengan konsep 3D dari Star Wars. Walaupun begitu, projek ini menerima sambutan yang sangat baik daripada masyarakat serta pihak berkaitan, termasuk institusi seni. Kerjasama dengan tok dalang tradisional memastikan bahawa projek ini mematuhi nilai-nilai seni warisan yang asli. Walau bagaimanapun, sokongan kewangan yang lebih banyak diperlukan agar projek ini dapat terus berkembang. Pemilihan Star Wars sebagai elemen moden dalam projek ini adalah kerana watak-watak dan jalan ceritanya yang sangat terkenal di seluruh dunia, seperti watak Darth Vader yang disesuaikan menjadi watak wayang kulit. Gabungan ini berjaya menarik perhatian pelbagai penonton dari pelbagai kategori, menjadikan seni tradisional lebih menarik dan relevan di mata masyarakat kini.

Projek pertama ini diilhamkan daripada filem *Star Wars Episode IV: A New Hope*, di mana watak-watak dan adegan-adegannya diolah berdasarkan seni wayang kulit tradisional. Nama-nama watak dalam *Peperangan Bintang* diadaptasi daripada watak asal, seperti Sangkala Vedeh (Darth Vader), Perantau Langit (Luke Skywalker), dan Tuan Puteri Leia (Princess Leia Organa). Lebih menarik lagi, projek *Peperangan Bintang* telah mendapat kelulusan untuk dipersembahkan oleh syarikat produksi filem francais Star Wars, Lucasfilm.

Kini, kisah *Peperangan Bintang* diteruskan di Sabah melalui Program Merakytakan Seni Budaya di bawah Panggung Seni Tradisi Wayang Kulit.

Perbincangan

Wayang kulit merupakan tradisi yang sangat penting di Malaysia, khususnya di Kelantan. Namun, terdapat perbezaan yang ketara antara wayang kulit yang dipersembahkan di setiap negeri di Malaysia. Pak Dain menjelaskan bahawa terdapat persamaan antara wayang kulit di Kelantan dan Jawa, tetapi pada masa yang sama, terdapat perbezaan yang signifikan antara keduanya. Pak Dain turut membincangkan sejarah wayang kulit di Malaysia. Menurut beliau, tiada negeri di Malaysia yang memiliki wayang kulit yang asli atau "original", namun terdapat beberapa negeri yang memiliki variasi wayang kulit yang lebih terpelihara, seperti di Jawa. Beliau juga menegaskan bahawa wayang kulit yang paling dikenal pasti hanya terdapat di Kelantan dan tidak ada di negeri lain di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa pandangan Nasuruddin (2000) yang menekankan fungsi moral.

Tok Ali adalah seorang dalang yang sangat terkenal di Kelantan, namun terdapat pelbagai versi mengenai latar belakangnya dan bagaimana beliau mula berkecimpung dalam seni wayang kulit. Salah satu versi menyebutkan bahawa beliau adalah anak hasil perkahwinan antara dua individu dari latar belakang etnik yang berbeza, manakala versi lain pula mengisahkan bahawa beliau mempelajari seni wayang kulit daripada seorang guru terkenal di Nantang Long, Selatan Thai. Tok Ali semakin dikenali setelah melatih beberapa murid yang sangat berbakat dalam seni dalang. Walaupun begitu, beliau akhirnya memutuskan untuk tidak lagi meneruskan kerjaya sebagai dalang. Ada yang menyatakan bahawa beliau memilih untuk beralih kepada peranan yang lebih religius, sementara ada juga versi yang menyebutkan bahawa beliau merasa malu dan tidak lagi ingin terlibat dalam dunia wayang kulit. Peralihan ini menunjukkan perubahan besar dalam hidup Tok Ali, yang memberikan tumpuan lebih kepada aspek kerohanian dan kehidupan yang lebih sederhana. Terdapat juga jenis wayang kulit yang dikenali sebagai wayang Gedek, yang hanya terdapat di Kelantan dan Kedah. Pengaruh wayang Gedek mula hilang pada tahun 1960-an, seiring dengan kehilangan huku-hikus yang unik yang menjadi identiti seni ini. Wayang Gedek yang pada asalnya lebih tradisional dan berbeza dengan bentuk lain telah digantikan oleh wayang kulit moden yang lebih popular. Pada tahun 1960-an, pengaruh wayang kulit moden mula diterima dengan penggunaan nama "Yusuf", yang menandakan peralihan daripada wayang Gedek asli kepada satu bentuk baru yang lebih segar dan berbeza.

Wayang kulit Kelantan telah berkembang menjadi salah satu bentuk seni yang paling terkenal di Malaysia pada tahun 1970-an, dengan keunikan tersendiri. Kini, ia merupakan satu-satunya bentuk wayang kulit Melayu yang masih aktif dipersembahkan, meskipun pengaruh wayang kulit tradisional lain semakin pudar. Wayang kulit Kelantan mempunyai kaitan dengan pengaruh wayang kulit petani, memandangkan Kelantan pada suatu ketika dahulu merupakan daerah yang kaya dengan aktiviti pertanian. Walaupun ini hanya satu teori, ia tetap merupakan kemungkinan yang tidak boleh diketepikan.

Selain itu, bahasa dan dialek yang digunakan dalam wayang kulit Kelantan juga berbeza dengan bahasa dan dialek di negeri-negeri lain di Malaysia. Dialek yang digunakan menggambarkan pengaruh budaya Melayu Selatan Thai yang sangat kuat dalam seni persembahan ini. Keunikan bahasa dan cara penceritaan dalam wayang kulit Kelantan memperlihatkan betapa seni ini bukan sahaja mencerminkan kehidupan masyarakat tempatan, tetapi juga menjadi manifestasi warisan budaya yang kaya dan pelbagai.

Perbezaan utama antara wayang kulit asli dan moden terletak pada format bahasa yang digunakan. Walaupun kedua-duanya menggunakan bahasa Melayu, cara penyampaian dan penggunaan bahasa dalam wayang kulit moden berbeza dengan wayang kulit tradisional. Contohnya, cara penulisan huruf-huruf Melayu dalam wayang kulit moden telah mengalami perubahan untuk disesuaikan dengan zaman, manakala dalam wayang kulit asli, penggunaan bahasa lebih berpegang pada format tradisional yang lebih baku.

Pak Dain turut membincangkan mengenai dialek Kelantan yang digunakan dalam wayang kulit Kelantan, yang mempunyai ciri-ciri unik berbanding dialek lain di Malaysia. Dialek Kelantan ini juga berbeza dengan dialek yang digunakan di Thailand, menunjukkan pengaruh budaya tempatan yang kuat dalam seni wayang kulit di Kelantan. Dialek Kelantan tidak hanya mencerminkan budaya tempatan, tetapi juga pengaruh yang lebih luas, khususnya dari segi perhubungan sejarah dengan Thailand.

Wayang Kulit Malaysia masih berpegang teguh pada lima prinsip asal iaitu cerita, muzik, watak, ciri-ciri fizikal, dan perkembangan. Prinsip pertama adalah cerita, yang menjadi asas utama dalam persembahan. Watak dan cerita tidak boleh dipindahkan atau diubah dari cerita pokok. Muzik pula memainkan peranan penting dengan dua aspek utama, iaitu suara dalam dan suara luar, yang tidak boleh digantikan dengan suara hidung. Alat muzik yang digunakan di dalam wayang kulit terdiri daripada 10 alat muzik; iaitu terdiri daripada serunai, canai, gong dan gendang dan terdapat 9 atau 8 orang pemain alat muzik. Alat muzik dimainkan mengikut lagu yang telah dilatih mengikut babak. Misalnya, tok dalang akan menyatakan babak apa seterusnya ingin dimainkan dan pemain muzik seharusnya bersedia untuk memainkan instrumen muzik tersebut mengikut situasi babak cerita. Watak-watak yang digunakan mestilah konsisten dengan cerita dan tidak boleh dipindahkan ke watak lain. Ciri-ciri fizikal juga merupakan elemen penting, dan ia tidak boleh diubah kecuali yang dibenarkan. Walaupun teknologi moden boleh membantu meningkatkan kualiti persembahan, ia harus tetap menghormati lima prinsip asal agar kesucian seni wayang kulit tidak tercemar.

Alat muzik yang digunakan dalam wayang kulit ini cukup untuk memperkaya penceritaan. Dengan sembilan jenis alat muzik, cerita dapat menjadi lebih menarik dengan penggunaan lagu-lagu yang sesuai. Lagu-lagu ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu lagu umum yang boleh digunakan untuk pelbagai cerita, dan lagu khusus yang digunakan untuk watak utama atau tema tertentu. Watak utama dalam cerita ini mempunyai lagu khusus yang tidak boleh diubah. Jika ingin mencipta lagu baru, alat muzik yang digunakan harus berbeza daripada yang digunakan untuk watak utama. Cerita ini menekankan pentingnya penggunaan bahasa dan muzik yang tepat, sesuai dengan tema yang dibawa. Walaupun bahasa tradisional perlu dihormati, ia boleh dipersembahkan dengan cara yang lebih moden tanpa mengubah intipati asalnya.

Justeru itu, Pak Dain turut menyatakan cara untuk membezakan watak Wayang Kulit yang tidak bewarna ini adalah dengan melihat beberapa faktor yang terdiri daripada warna, lukisan yang dihasilkan tok dalang bagi watak tersebut dan bentuk yang direka. Tambahan pula, Setiap watak berbeza mengikut kriteria karakter yang ingin direka oleh tok dalangnya. Antara soalan yang diajukan kepada Pak Dain mengenai keperluan wayang kulit fusion untuk menggunakan Bahasa Inggeris. Beliau menjelaskan bahawa format pendalangan telah berubah, yang menyebabkan mereka tidak lagi menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi utama. Beliau juga membincangkan penggunaan sari kata dalam persembahan, di mana penonton masih dapat memahami jalan cerita meskipun tidak memahami sepenuhnya dialog yang disampaikan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian mengenai sejarah wayang kulit dari aspek perwatakan, alat muzik, teknik persembahan, dan elemen fusion merumuskan bahawa wayang kulit merupakan seni tradisional yang kaya dengan warisan budaya dan terus berkembang mengikut peredaran zaman. Kajian ini mendapati terdapat tiga jenis utama wayang kulit, iaitu tradisional, moden, dan fusion. Wayang kulit tradisional mengekalkan ciri-ciri asli seperti perwatakan dan teknik persembahan, manakala wayang kulit moden membawa elemen baru sesuai dengan cita rasa masyarakat masa kini. Sementara itu, fusion menggabungkan elemen tradisional dan moden, termasuk penggunaan teknologi, untuk menarik minat generasi muda.

Dari segi perwatakan, wayang kulit menampilkan pelbagai watak dengan peranan yang berbeza-beza. Watak-watak ini merangkumi protagonis, seperti Seri Rama yang melambangkan kebaikan, dan antagonis, seperti Maharaja Wana yang mewakili kejahatan. Setiap watak memainkan peranan penting dalam menyampaikan naratif yang sarat dengan nilai moral dan budaya.

Alat muzik tradisional seperti gamelan turut memperkayakan persembahan, mencipta suasana dramatik yang menghidupkan cerita. Teknik persembahan, yang memanfaatkan bayang-bayang dan kepakaran dalang sebagai pencerita utama, menyerlahkan keunikan seni ini sebagai medium pendidikan dan hiburan. Fusion wayang kulit dengan unsur moden dan teknologi telah menjadikannya lebih relevan dalam era kontemporari, sambil tetap mengekalkan elemen tradisionalnya. Hal ini membuktikan bahawa wayang kulit bukan sekadar tinggalan sejarah, tetapi seni yang terus hidup dan berkembang, memberikan manfaat kepada generasi kini dan akan datang.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Muzium Seni Asia, Universiti Malaya khususnya kepada Puan Zahirah Noor Zainol Abidin, kurator Muzium Seni Asia, atas kerjasama dan sokongan yang tidak ternilai sepanjang proses kajian ini dijalankan. Kerjasama yang diberikan oleh Puan Zahirah dalam meluangkan masa untuk berbincang dan memberi penjelasan yang sangat bermaklumat dalam beberapa pertemuan amat dihargai, begitu juga dengan sokongan pihak muzium yang turut membantu menampung kos pengangkutan dan minyak sepanjang pelaksanaan kajian ini. Bantuan ini sangat meringankan beban kami dan memberi semangat untuk meneruskan kajian dengan lebih komited. Tanpa bantuan dan sokongan daripada pihak muzium, kajian ini tidak dapat berjalan dengan begitu lancar dan mendalam. Harapan kami agar kajian ini tidak hanya sekadar menjadi bahan rujukan tetapi juga memberi impak yang positif terhadap pemeliharaan dan pengembangan seni tradisional ini.

Rujukan

- Sweeney, P. L. A. (1972). *The Ramayana and the Malay shadow-play*. The National University of Malaysia Press.
- Amirul, A. A. (2019). Reka bentuk pentas dalam falsafah persembahan wayang kulit Kelantan [Tesis sarjana, Universiti Sains Malaysia]. USM ePrints.
<https://eprints.usm.my/43626/1/AZRUL%20AZIZI%20BIN%20AMIRRUL.pdf>
- Jufry, F. D. M. (2014). Wayang kulit Melayu tradisional Kelantan: Kajian archetypal reka bentuk gambalan [Laporan penyelidikan, Universiti Sains Malaysia]. USM ePrints.

- <https://eprints.usm.my/46086/1/Fara%20Dayana%20Mohd%20Jufry24.pdf>
- Nasuruddin, M. G. (2000). Teater Tradisional Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, M.D. (2011). Wayang kulit Melayu tradisional Kelantan: Suatu perspektif. Kuala Lumpur: Mahmanis Enterprise.
- Sunardi. (2012). "Silang Gaya Pedalangan dalam Perspektif Perubahan Budaya," dalam Gelar Jurnal Seni Budaya, Vol. 10 No. 2 (Desember).
- Wibawa, A. B. (2024). Analyzing the evolution of Indonesian wayang puppetry and its fusion with modern theater and performance arts. *Studies in Art and Architecture*, 3(1), 1-9.
- Yusof, G.S. (1994). Dictionary of traditional South-East Asian theatre. New York: Oxford University Press.
- Yusof, G. S. & Khor, K. K. (2017). Wayang Kulit Kelantan: A study of characterization and puppets. *Asian Theatre Journal*, 34(1), 1–25. <https://doi.org/10.1353/atj.2017.0002>
- Jufry, F. D. M., & Rahman, M. K. A. (2018). Archetypal characters in Wayang Kulit Kelantan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 84– 101. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i5/4087>